



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 15 JUN 2025 | 18 ZULHIJJAH 1446 H
HARI : AHAD

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Utusan Malaysia	Nyawa nelayan kecil terancam

Ringkasan Eksekutif

Pada **15 JUN 2025**, sebanyak **1** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **1** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	Nyawa nelayan kecil terancam
	Akhbar/Media	Utusan Malaysia
	Muka surat/capaian	8-9
	Kategori Liputan	Negatif



BOT pukat tunda dikesan menceroobh Zon A di perairan Bagan Datuk dan Pulau Sembilan, Perak.

NYAWA NELAYAN KECIL TERANCAM

Neh MAISARAH SHEIKH RAHIM, SKANDAR SHAH MOHAMED, MOHAMAD NAUFAL IDRIS dan AIN SAFRE BIDIN
o.sannews@medamula.com.my

UTRAJAYA: Kira-kira 102,746 nelayan pantai yang memiliki 18,440 sampan dan bot kecil berdepan risiko ancaman nyawa setiap hari, berikutan kes pencerobohan bot pukat tunda terus berlaku tanpa ada tindakan penyelesaian konkrit.

Kegiatan di Selangor bulan lalu menjadi bukti terbaharu apabila sampan nelayan diremuh bot pukat tunda ketika menangkap ikan kira-kira 0.3 batu lautika di utara Pulau Klang menyebabkan seorang daripada mangsa maut manakala dua lagi diselamatkan.

Mengikut peraturan, bot pukat tunda tidak boleh memasuki Zon A (kawasan kurang lima batu nautika dari pesisir pantai) termasuk bot nelayan dari negeri lain juga tidak boleh menceroboh sempadan negeri masing-masing.

Hai ini boleh mengakibatkan kepupusan ikan-ikan kecil dan merosakkan sumber dasar laut, ekologi gus memusnahkan ekosistem dan kehidupan marin, malah mengancam nyawa dan kehidupan nelayan pantai.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan, hasil tangkapan aut nelayan pantai semakin berkurangan iaitu sebanyak 10 juta tan metrik dengan nilai RM10.271 juta pada 2023 berbanding 1.15 juta tan metrik dengan nilai RM10.274 juta pada 2022.

Menurut Timbalan Pengerusi



KUMPULAN nelayan pantai yang membantah kegiatan bot pukat tunda dikendalikan warga asing di perairan Bagan Datuk, Perak. - MINGGUAN/AIN SAFRE BIDIN



Kami ini bukan orang senang, ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka ini sudah bermaharajalela."

RAJA NASARUDIN RAJA ARIFFIN

utnya mengharamkan bot pukat tunda darisada memasuki

Pekeliling untuk menghentikan bot pukat tunda di Zon B sepatutnya dikuatkuasakan pada 2016, namun ditangguhkan sehingga hari ini tanpa satu dasar yang jelas.

"Pelaksanaan pekeliling ini kemudian ditangguhkan lagi pada 2020 dan seterusnya dicadang untuk dilaksanakan pada 2024.

"Namun, masih tetap tidak dilaksanakan dan ditangguhkan pula sehingga 2030. Ia sepatutnya tidak boleh lagi ditangguhkan dan perlu dilaksanakan segera kerana meletakkan risiko nyawa nelayan terus dalam bahaya," katanya kepada Minggu Melayu.

Relian sara sara nelayan Teluk

kepada hasil laut di kawasan Zon A kerana keadaan bot kecil tidak mampu bergerak jauh.

Sedangkan, bot pukat tunda sebarang-wenangnya boleh menceroboh zon nelayan pantai dan mengaut hasil laut sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

"Kita bukan nak tutup perniagaan nasi sesiapa, tetapi kegiatan pencerobohan ini semakin berleluasa seolah-olah tidak ada penguatkuasaan dilakukan atau pihak berkuasa hanya menutup mata bagi kesalahan yang dilakukan.

"Di kawasan Teluk Bahang kerap kali bot pukat tunda dari Kedah ceroboh perairan Pulau Pinang. Di kawasan Pelabuhan

Pada masa sama, pihak berkuasa terutama Jabatan Perikanan perlu melakukan siasatan atas setiap aduan termasuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dengan mengambil tindakan mengikut undang-undang ditetapkan.

Ujarnya, sekalipun ada tangkapan dibuat, ada antara bot pukat tunda kembali beroperasi walaupun tidak cukup tempoh sitaan.

Mengikut Akta Perikanan 1985, jika bot yang menceroboh zon didapati bersalah melebihi tiga kali kesalahan, bot dan lesen mereka akan dirampas.

"Tetapi ia hanya sekadar undang-undang yang tidak pernah dilaksanakan. Kalau ikut pekeliling, bot yang menceroboh zon untuk pertama kali dan kedua tidak boleh dipindah milik tetapi bot-bot tersebut masih boleh dipindah milik dan semua kesalahan lampau dihapuskan.

"Bot-bot pukat tunda yang ceroboh zon patut disita, pemilik lesen disenaraikan hitam tidak dibenarkan membeli bot baharu. Pihak kami telah membawa isu ini kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (KAIC)," katanya.

ANCAM KESELAMATAN, REZEKI NELAYAN PANTAI

Tinjauan Minggu Melayu di Sabak Bernam, Selangor mendapati, kegiatan bot pukat tunda yang menceroboh zon penangkapan ikan menyebabkan sampan nelayan berisiko dilanggar, malah hasil tangkapan mereka tidak menentu.

Keadaan itu timbul apabila bot pukat tunda yang kehi-

di Batu 23, Sungai Nibong, dan.

tiadaan tindakan sista me-
abkan mereka semakin
di mencero boh dan turut
ebahkan kerosakan eko-
n laut.

di Jawatankuasa Jaring,
akim Mohamad Yasin
ita, peraturan menetapkan
bot Kelas B dan B1 hanya
makan menangkap ikan di
san antara lima hingga 15
nautika.

itanya, masih ada pihak
on B enggan mematuhi nya
an melakukan pencerobo-
sama ada pada waktu pe-
atau malam.

teadaan itu jelas memba-
kan keselamatan nelayan
ai sehingga ada daripada
nyaris maut selepas sam-
dilanggar bot sehingga ter-
di perairan Sungai Nipah
n lalu.

nsiden turut menimpa saya
awal Disember lalu apabila
pan dinaiki nyaris dilanggar
ta menangkap ikan di Zon A
sebelah malam. Mujur saya
pat menyalakan lampu dan
dari bot yang mencero boh,"
nya.

**10 TAHUN KES
ENCEROBOHAN BERLAKU**
di Klang, Selangor, bu-
sahaja hasil laut semakin
urangan, kira-kira 170 ne-
n pantai yang berpusat di



BOT pukat tunda Kelas B1 dikesan mencero boh Zon A di bawah lima batu nautika di perairan Pulau Pinang.

Pangkalan Nelayan Sementa
mendakwa, kegiatan sedemiki-
an telah berlaku lebih 20 tahun
lalu oleh mereka yang menggu-
nakan bot Kelas A, B dan C.

Menurut Ketua Pangkalan
Nelayan Sementa, Raja Nasaru-
din Raja Ariffin, 68, mereka
yang menggunakan pukat tunda
lazimnya beroperasi pada waktu
malam bagi mengelak dikesan
pihak berkuasa.

"Nelayan ini turut menutup
nombor pendaftaran bot mere-
ka menggunakan guni serta
tidak membuka lampu. Jadi,
ini menyukarkan kami untuk
mengambil gambar bot mereka,
sekiranya mereka mencero boh
kawasan tangkapan kami.

"Mereka yang menggunakan
tiga kelas bot ini, kawasan yang
sepatutnya mereka boleh tang-
kap bermula dari lapan batu
nautika dari kawasan pesisir
pantai," katanya.

Kata Raja Nasarudin, baru-
baru ini dua nelayan di pang-
kalannya terkorban dengan kes
terbaharu berlaku bulan lalu.

Ujarnya, sudah beberapa
kali pihaknya cuba bersemuka
dengan kelompok penceroboh,
namun mereka enggan malah
cuba bertindak melanggar bot
nelayan tempatan.

"Memang sangat mengece-
wakan. Kami sudah buat be-
ratus kali laporan berhubung
tindakan mereka kepada pihak

berkuasa, namun tiada satu tin-
dakan tegas pun yang diambil,"
katanya.

Ditanya mengenai hasil tang-
kapan, ujar Raja Nasarudin, hasil
tangkapan merosot lebih 50 per-
atus sejak beberapa tahun lalu.

"Kami ini bukan orang sen-
ang, ibarat kais pagi makan
pagi, kais petang makan petang.
Mereka ini sudah bermahara-
jalela sejak puluhan tahun lagi,"
katanya.

WARGA ASING ANCAM NELAYAN PANTAI BAGAN DATUK

Nelayan pantai di perairan
Bagan Datuk, Perak pula menge-
luh dengan kehadiran warga as-

ing yang diupai sebagai tenaga
dan awak-awak bot pukat tunda.

Wakil nelayan, Sharizal Sar-
wan, 42, berkata, kehadiran
mereka yang sebahagian be-
sarnya warga Indonesia, Thai-
land, Myanmar dan Vietnam
langsung tidak mempedulikan
hak yang digazetkan untuk ne-
layan pantai tempatan.

"Saya sendiri pernah pergi ke
laut tetapi balik tangan kosong.
Kalau dapat RM50, tolak kos
minyak RM30 dan baki RM20,
apa hendak diberi makan kepa-
da anak dan isteri? Sebelum ini
kami boleh meraih RM200 hing-
ga RM300 setiap kali ke laut,"
katanya.

Katanya, tidak diketahui
sama ada warga asing itu mem-
punyai permit sah atau tidak.

"Kalau dahulu mereka hanya
menangkap ikan pada waktu
siang tetapi sekarang kalau cuaca
baik, malam hari pun mereka
masih menangkap ikan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Jamil
Mahusin, 57, berkata, kehadiran
bot pukat tunda yang dikenda-
likan warga asing semakin be-
tambah daripada 20 bot bebera-
pa tahun lalu meningkat hingga
60 bot.

"Mereka menangkap ikan
hingga kawasan projek tukun
tiran dan mengganggu pem-
biakan ikan. Perkara ini amat
dikesali dan memperlihatkan
betapa mereka bebas melaku-
kan apa sahaja," katanya.

RINGKASAN :

Kira-kira 102,746 nelayan pantai yang memiliki 48,440 sampan dan bot kecil berdepan risiko ancaman nyawa setiap hari, berikutan kes pencerobohan bot pukat tunda . Hal ini boleh mengakibatkan kepupusan ikan-ikan kecil dan merosakkan sumber dasar laut, sekali gus memusnahkan ekosistem dan kehidupan marin, malah mengancam nyawa dan kehidupan nelayan pantai.